



FOKUS...

Antara peserta yang menyertai program 'UPM GIS Day 2009' di Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Seramai 250 penuntut dan 60 pensyarah daripada institut pengajian tinggi awam (IPTA) menyertai program tersebut. Ia adalah anjuran Institut Teknologi Maju (Itma) dengan kerjasama Malaysian Remote Sensing Society (MRSS).

SINAR HARIAN 15/2/09 (AHAD).

UPM terima 8,500 penuntut baru

SERDANG—Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pendaftaran penun-tut baru Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) seramai 8,500 orang.

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, se-ramai 6,000 adalah penuntut sar-jana dan 2,500 penuntut PhD.

Menurutnya, pertambahan bilangan penuntut tersebut ada-lah satu petunjuk baik bahawa UPM salah sebuah universiti pilihan untuk golongan lepas-an ijazah yang mahu melanjutkan pengajian mereka.

"Semua penuntut harus mempertahankan status UPM sebagai universiti penyelidikan dengan menyumbangkan penerbitan berkualiti, peng-komersialan produk penyelidikan, paten dan penerimaan ger-an," katanya ketika ditemui pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Siswazah Semester Kedua 2008/2009 dan Pelancaran Program Putra Sarjana 2009.



Dr Turiman bergambar bersama penuntut baru semasa pendaftaran bagi Ijazah Sarjana dan PhD di UPM.

Sementara itu Timbalan Dekan SPS, Profesor Dr Turiman Suandi berkata, Program Putra Sarjana di-wujudkan dengan mengambil pendekatan menyediakan suasana pembelajaran yang selesa dan bersedia untuk membantu pembelajaran penuntut.

"Tujuan utama program ter-sebut adalah untuk melengkap-pkan penuntut pasca siswazah de-ngan pengetahuan, kemahiran serta sikap dalam memastikan graduan siswazah yang dihasil-

kan adalah berkualiti.

"Penuntut berkeupayaan memahami perkara lain seperti penggunaan portal, peraturan UPM, budaya penyelidikan, prosedur untuk diikut dalam pe-nerbitan tesis mereka dan ber-sedia menghadapi cabaran akan datang," katanya.

Beliau berkata, aktiviti ter-babit digariskan secara me-nyeluruh daripada hari pertama penuntut mendaftar sehingga mereka menyediakan laporan jurnal untuk peringkat akhir.